

26 FEB 1996

PBS - Pindaan

PBS TENTANG PINDAAN TERHADAP PERLEMBAGAAN SABAH

TAWAU, 26 Feb (Bernama) -- Parti pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini menentang keras cadangan meminda Perlembagaan Negeri untuk mengurangkan kuasa-kuasa pentadbiran Ketua Menteri.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang pernah menjadi Ketua Menteri selama sembilan tahun sehingga 1994, berkata parti itu akan membawa kes berkenaan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa jika pindaan itu dilaksanakan.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu bahawa Perlembagaan dan undang-undang negeri akan dipinda untuk mengurangkan kuasa-kuasa pentadbiran Ketua Menteri dengan berkata ia terlalu berkuasa berbanding Ketua-ketua Menteri dan Menteri Besar negeri-negeri lain.

Pairin memberitahu pemberita di sini bahawa pengumuman Perdana Menteri berhubung cadangan pindaan itu jelas menunjukkan bahawa kerajaan persekutuan cuba mengubah undang-undang negeri.

Beliau juga menyokong langkah Umno Sabah menentang sistem penggiliran dua tahun bagi jawatan Ketua Menteri negeri.

"Perkara-perkara berhubung pentadbiran negeri terutama perlantikan Ketua Menteri harus diputuskan oleh rakyat Sabah sendiri," katanya.

Sementara itu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kota Kinabalu, Timbalan Presiden PBS Dr Maximus Ongkili berkata cadangan itu jika dilaksanakan merupakan satu pencerobohan dan campurtangan serius dalam hal ehwal negeri serta melanggar semangat perjanjian Malaysia yang menjadikan Sabah sebahagian dari Malaysia.

"Kuasa-kuasa Ketua Menteri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dan undang-undang negeri merupakan bahagian penting dalam Perjanjian Malaysia dan oleh itu tidak boleh sewenang-wenangnya dihapuskan oleh sebarang parti," katanya.

Maximus berkata: "Tindakan luar sedemikian akan dianggap rakyat sebagai pencerobohan dan campurtangan politik dalam hal ehwal negeri dan rakyatnya. Tindakan seumpama itu dan reaksi berikutnya tidak akan menggalakkan integrasi dan perpaduan antara wilayah," katanya.

Tetapi Ketua Menteri Datuk Mohd Salleh Tun Said semalam memberi jaminan bahawa cadangan pindaan itu tidak menyentuh hak-hak negeri tetapi lebih kepada kuasa-kuasa pentadbiran Ketua Menteri serta mengetatkan kawalan terhadap penyelewengan. -- BERNAMA